

Didikan' hari ini tentukan sifat/kanak-kanak di masa akan datang

KUALA LUMPUR 25 April — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, didikan, tunjukkan dan nilai-nilai hidup yang diserapkan kepada kanak-kanak pada hari ini akan menentukan sama ada mereka menjadi warganegara atau pemimpin yang bertanggungjawab, berhemah tinggi, berbudi pekerti dan patriotik.

Dalam amanatnya kepada kanak-kanak Malaysia sempena pelancaran 25 Tahun Dewan Pelajar di sini, beliau berkata, dalam hal ini warganegara semasa mempunyai peranan dan tanggungjawab yang utama.

Beliau berkata, maju mundurnya sesuatu bangsa bukan terletak pada bentuk tubuh badan bangsa tersebut, tetapi diasaskan kepada budaya bangsa berkenaan.

"Jika budaya bangsa mengutamakan sifat-sifat yang mulia, maka akan

majulah bangsa itu. Sebaliknya bangsa yang maju sekalipun akan menjadi mundur apabila nilai hidup yang buruk diamalkan," katanya.

Menurutnya lagi, Wawasan 2020 perlu diusahakan dan untuk ini sifat-sifat yang sesuai perlu diserapkan kepada kanak-kanak dari sekarang:

"Wawasan 2020 adalah untuk kanak-kanak hari ini, dan bukan untuk diwarisi semata-mata," tegasnya.

Sebelum itu, Perdana Menteri melancarkan buku *Kenangan dan Harapan Dewan Pelajar 25 Tahun* dan menyaksikan persembahan kanak-kanak sekolah yang bertemakan 'Anak Malaysia Membina Malavsia.'

Persembahan yang disaksikan oleh kira-kira 1,000 penonton itu antara lain ialah persembahan pancaragam, silat, tarian dan nyanyian koir murid-murid sekolah sekitar ibukota serta persembahan lawak jenaka oleh pelakon Imuda.